

Muis akan terus bina ketahanan Muslim S'pura

MAJLIS Ugama Islam Singapura (Muis) akan terus membina ketahanan masyarakat Islam Singapura dan memastikan amalan agama yang progresif dalam usaha membendung penyusupan ideologi radikal dan ganas.

Dari segi pendidikan agama, ia telah pun melaksanakan program pendidikan Islam yang dikemaskini untuk kalangan muda di 37 masjid.

Sukatan pelajaran yang bersesuaian dengan golongan muda itu dapat membantu mereka lebih memahami ajaran sebenar agama Islam dan mereka menilai serta menolak sebarang ajaran radikal, menurut Muis dalam satu kenyataan semalam.

Muis juga akan terus mendekati golongan belia menerusi pelbagai wadah dan ia akur bahawa dengan Internet, golongan belia mudah terdedah kepada pengaruh negatif dan ideologi radikal.

Kenyataan Muis itu dikeluarkan menyusuli pendedahan tiga kes warga Singapura yang terpengaruh secara sendi-

ri dengan fahaman radikal dan ganas.

Seorang daripada mereka, anggota Perkhidmatan Negara (NS) sepenuh masa, ditahan di bawah Akta Keselamatan Negara (ISA) selama dua tahun.

Muis menyatakan bahawa ia telah membentuk Sekretariat Pembangunan Sumber Pelajar (SRDS) dalam 2004 untuk mengukuhkan jalinan rangkaian dengan pelajar yang ingin menjalankan pengajian tinggi Islam di luar negara.

Menerusi urus setia itu, Muis membantu ibu bapa dan pelajar membuat pilihan yang betul berhubung institusi pengajian di luar negara.

Muis menggesa masyarakat supaya memanfaatkan sumber-sumber itu dan mendapatkan nasihat kaunselor Muis apabila mereka berhajat belajar agama di luar negara.

Ini bagi memastikan pelajar itu mendapat panduan yang betul dan sentiasa mempunyai wadah hubungan dengan pembangunan Singapura dan isu terkini, jelas Muis.